**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA KUALITI**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)**
**KALI KE-54**
**SECARA DALAM TALIAN**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 05 Ogos 2022 (Jumaat) |
| Masa | : | 9.00 pagi – 12.40 tengahari |
| Platform | : | Secara dalam talian melalui Aplikasi *Zoom Meeting* |
| Kehadiran | : | Sepertimana di **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 54.0** | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi: | |
| | (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-54 ini. | **Makluman** |
| | (b) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baharu, iaitu:<br><br>(i) Encik Yusri Hashim, dilantik selaku TWP PP Pejabat Bursar (P. BURSAR) bermula 14 April 2022;<br><br>(ii) Puan Nariza Mohd Elias, dilantik selaku TWP PP Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) bermula pada 7 Julai 2022;<br><br>(iii) Ts. Norazlin Yusuf, dilantik selaku TWP PP Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) bermula pada 8 April 2022;<br><br>(iv) Puan Saliza Mustafa, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) bermula pada 15 Jun 2022;<br><br>(v) Encik Noor Mohamad Shakil Hameed, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) bermula pada 4 Julai 2022; dan | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (vi) Encik Wan Mohd Radzi Wan Ismail, dilantik selaku TWP PTJ Institut Kajian Perladangan (IKP) bermula pada 25 April 2022. | |
| | (c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan Ahli Jawatankuasa Kualiti berikut: | **Makluman** |
| | (i) Puan Hajah Izariahwati Mohd Isa, mantan TWP PP P. BURSAR yang telah berkhidmat bagi tempoh 4 Mei 2017 hingga 12 April 2022; | |
| | (ii) Encik Muhammad Adil Ahmad Tajudin, mantan TWP PP PPUU yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 Januari 2021 hingga 14 Jun 2022; | |
| | (iii) Encik Rosmi Othman, mantan TWP PP iDEC yang telah berkhidmat bagi tempoh 11 September 2015 hingga 7 April 2022 (Bersara); | |
| | (iv) Encik Roslan Parjo, mantan TWP PP Pusat Kesihatan Universiti (PKU) yang telah berkhidmat bagi tempoh 17 Februari 2014 hingga 1 Julai 2022 (Bersara); | |
| | (v) Dr. Haji Razali Othman, mantan TWP PTJ FBMK yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 November 2021 hingga 1 Jun 2022 (Bersara); | |
| | (vi) Encik Mohd Pauzi Abd Karim, mantan TWP PTJ FPP yang telah berkhidmat bagi tempoh 6 Januari 2017 hingga 8 Mei 2022 (Bersara); dan | |
| | (vii) Puan Norazlina Zulkefli, mantan TWP PTJ IKP yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 Mac 2021 hingga 18 April 2022. | |
| **Minit 54.1** | **Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-53** | |
| | Minit Mesyuarat JKK Kali ke-53 yang telah diadakan pada 22 Februari 2022 disahkan tanpa sebarang pindaan. | **Makluman** |
| **Minit 54.2** | **Perkara Berbangkit** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-53 seperti mana pada **Lampiran Agenda 3** yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap empat (4) perkara berikut: | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (a) Minit 53.2 (a) – mesyuarat mencadangkan supaya mesyuarat khas bersama Ketua Juruaudit PTJ diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun bagi membantu meneliti NCR dan OFI Audit Dalaman yang tegar atau belum ditutup melebihi tempoh. | **PAD UPM** |
| | (b) Minit 53.3 (g) – mesyuarat mengambil maklum informasi berkaitan Matlamat Pendidikan Universiti telah dikemas kini dan dikuatkuasa pemakaiannya bermula 30 Jun 2022 melalui Prosedur Siswazah berikut:<br><br>(i) Prosedur Pembentukan Program Baharu Pengajian Siswazah (UPM/PU/S/P001);<br><br>(ii) Prosedur Pembentukan Kursus Baharu/Semakan Semula Kursus Pengajian Siswazah (UPM/PU/S/P002); dan<br><br>(iii) Prosedur Pembentukan/Semakan Semula Bidang Pengajian Siswazah (UPM/PU/S/P018).<br><br>Bagi skop prasiswazah, pengemaskinian Matlamat Pendidikan Universiti telah diinputkan ke dalam Garis Panduan Pembentukan Program Baharu dan Semakan Semula Program Prasiswazah UPM yang dipaparkan melalui Laman Sesawang BKAD bermula pada 29 Julai 2022. | **Makluman** |
| | (c) Minit 53.6.1 (i) – mesyuarat mengambil perhatian semakan soalan kajian penaja bagi skop pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan dan akan dilaporkan selepas tamat tempoh kajian pada bulan September 2022. | **PKPU UPM** |
| | (d) Minit 53.7.2 (e) – mesyuarat mengambil maklum kawalan risiko aset mudah alih/peribadi yang digunakan oleh pegawai semasa bekerja dari rumah telah dikawal melalui penyataan kawalan Penyata Pemakaian ISMS (SoA) di bawah Annex 6.2.1 (Dasar Peranti Mudah Alih) dan 6.2.2 (Telekerja). | **Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td>Minit 54.3</td><td>Laporan Dokumentasi (QMS dan ISMS)<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum Laporan Dokumentasi adalah sepertimana Lampiran Agenda 4 yang dibentang merangkumi perkara berikut:<br><br>(i) Cadangan Pindaan Dokumen Skop Pengurusan;<br><br>(ii) Status Pengemaskinian Dokumen Belum Pinda Tahun 2018;<br><br>(iii) Pemakaian Dokumen Berasaskan Pengguna Skop Pengajian Prasiswazah; dan<br><br>(iv) Pemakaian Dokumen Rujukan ISMS terkini.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(b) mengambil maklum perubahan ke atas dokumen skop pengurusan adalah atas justifikasi berikut:<br><br><table><tr><th>Bil</th><th>Nama & Kod Dokumen</th><th>Justifikasi perubahan</th></tr><tr><td>1.</td><td>Prosedur Audit Dalaman ISO (UPM/PGR/P004)</td><td>Pengemaskinian berdasarkan pelaksanaan terkini proses Audit Dalaman ISO UPM.</td></tr></table></td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(c) meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan dokumen skop pengurusan iaitu Prosedur Audit Dalaman ISO (UPM/PGR/P004) yang akan mula dikuatkuasakan pemakaiannya pada 09 September 2022.</td><td>PKD UPM</td></tr>
<tr><td></td><td>(d) mengambil maklum sehingga kuatkuasa dokumen pada 29 Julai 2022, sebanyak 87.77% (122/139) dokumen ISO tahun 2018 telah disemak dan dipinda oleh Peneraju Proses. Mesyuarat turut dimaklumkan baki 17 dokumen yang belum disemak akan dipantau proses semakan dan kemas kini oleh peneraju terlibat semasa kuatkuasa dokumen ISO pada 9 September 2022.</td><td>PKD UPM</td></tr>
<tr><td></td><td>(e) mengambil maklum transformasi Dokumen Skop Pengajian Prasiswazah daripada dokumentasi berasaskan proses kepada dokumentasi berasaskan pengguna telah dilaksana berkuatkuasa pada 29 Julai 2022. Melalui inisiatif ini dokumen yang disediakan lebih terfokus mengikut kategori pengguna dan secara tidak langsung dapat meminimakan bilangan dokumen yang perlu dirujuk dalam pelaksanaan proses kerja skop pengajian prasiswazah Universiti. Secara keseluruhan</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | dokumen ISO pengajian prasiswazah telah berkurang daripada 135 kepada 84 dokumen sahaja selepas pelaksanaan inisiatif penambahbaikan ini. | |
| | (f) meminta peneraju skop pengajian prasiswazah merancang pelaksanaan siri taklimat kesedaran pemakaian dokumen berasaskan pengguna ini kepada semua PTJ yang terlibat dengan skop pengajian prasiswazah. Dalam menyokong usaha ini, semua TWP PTJ juga diminta bersama-sama memainkan peranan bagi membantu memberi kesedaran kepada staf di PTJ masing-masing. | **TWP P. TNC AA & TWP PTJ** |
| | (g) turut dimaklumkan bahawa pihak Sekolah Pengajian Siswazah juga berhasrat untuk melaksanakan transformasi dokumen berasaskan pengguna dan sedang dalam peringkat penelitian dokumen. | **Makluman** |
| | (h) turut mengambil maklum pemakaian dokumen rujukan ISMS yang terkini yang boleh dirujuk melalui eISO UPM adalah seperti berikut:<br>(i) Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS UPM dengan tarikh kemas kini 1 Disember 2021;<br>(ii) Dokumen Penyata Pemakaian (SoA) ISMS UPM dengan tarikh kemas kini 1 Disember 2021; dan<br>(iii) Dokumen Skop Operasi Perkhidmatan Sokongan ISMS UPM dengan tarikh kuatkuasa pada 30 Jun 2022. | **Makluman** |
| **Minit 54.4** | **Laporan Audit**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Laporan Audit ISO yang merangkumi Laporan Status Penutupan Penemuan Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2021, Pelaksanaan dan Laporan Penemuan Audit Dalaman Tahun 2022 dan Pelaksanaan Audit SIRIM 2022 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 5** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian sehingga 5 Ogos 2022, statistik penutupan NCR dan OFI Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2021 adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

| | QMS | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Tutup | Belum Tutup (Dalam Tempoh) | Belum Tutup (Lebih Tempoh) | Jumlah |
| NCR | 171 (94%) | 3 (2%) | 7 (4%) | **181** |
| OFI | 252 (88%) | 9 (3%) | 24 (9%) | **285** |
| | **ISMS** | | | |
| | Tutup | Belum Tutup (Dalam Tempoh) | Belum Tutup (Lebih Tempoh) | Jumlah |
| NCR | 8 (100% | 0 (0%) | 0 (0%) | **8** |
| OFI | 26 (90%) | 3 (10%) | 0 (0%) | **29** |

(c) meminta PTJ yang terlibat mengambil tindakan segera bagi tujuan penutupan NCR dan OFI Audit Dalaman QMS Tahun 2021 yang telah melebihi tempoh cadangan penutupan.

**TWP PNC, TWP P.BURSAR, TWP BKU, TWP CADe, TWP PASP, TWP PKU, TWP PUPM, TWP PPP, TWP FSKTM, TWP FBSB, TWP FP, TWP IPPH, TWP ION2, TWP IKP & TWP INTROP**

(d) mengambil maklum Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2022 telah dilaksanakan bermula 1 April hingga 30 Jun 2022 oleh semua PTJ di UPM dan hasil penemuan audit yang dijalankan adalah seperti berikut:

**Makluman**

| ISO | NCR | OFI |
|---|---|---|
| QMS | 140 | 236 |
| ISMS | 1 | 21 |

(e) mengambil maklum berkaitan aliran proses tindakan penutupan Audit Dalaman QMS dan ISMS PTJ Tahun 2022 sebagaimana yang diperincikan melalui emel pemakluman penemuan audit oleh CQA selepas berakhir pelaksanaan audit dalaman di setiap PTJ. Sehubungan itu, PTJ yang merekodkan penemuan audit adalah diminta untuk menginput maklum balas pelan tindakan dan seterusnya melaksanakan tindakan mengikut tempoh yang telah dipersetujui bersama dengan juruaudit terlibat.

**TWP PP & TWP PTJ yang berkenaan**

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (f) mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM QMS dan ISMS akan dilaksanakan pada 17 hingga 21 Oktober 2022 (5 hari) dengan semakan rekod bagi PTJ yang menjadi sampel adalah bermula selepas Audit SIRIM tahun 2021 atau bermula Semester Pertama Sesi 2021/2022 hingga kini. Mesyuarat dimaklumkan jadual audit akan dikongsikan dengan PTJ selepas diterima daripada pihak SIRIM. | **Makluman** |
| **Minit 54.5** | **Laporan Pencapaian Objektif ISO** | |
| | **54.5.1 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum tiga (3) kategori objektif kualiti yang akan memperlihatkan pencapaian yang dihasratkan menerusi Sistem Pengurusan Kualiti adalah sepertimana berikut: | **Makluman** |
| | **(a) Laporan Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI)- Penilaian Pencapaian KPI Sukuan Keempat (Q4) 2021 dan Penetapan Sasaran KPI 2022** | |
| | (i) Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian KPI Sukuan Keempat (Q4) 2021 dan Penetapan Sasaran KPI 2022 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 6 (a) (i)** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (ii) Mesyuarat mengambil maklum pencapaian keseluruhan KPI Q4 2021 adalah pada tahap 95.95% iaitu daripada 36 KPI yang diukur sebanyak 26 KPI mencapai 100%, lapan (8) KPI mencapai 75%- 99%, dua (2) KPI mencapai 0%-74% dan tiada KPI yang tidak dinilai. | **Makluman** |
| | (iii) Mesyuarat mengambil maklum pecahan pencapaian KPI Q4 2021 mengikut skop adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| Bil | Skop KPI | Pencapaian |
|---|---|---|
| 1. | Akademik dan Antarabangsa | 95.5% |
| 2. | Penyelidikan dan Inovasi | 95.2% |
| 3. | Sumber Manusia | 93.95% |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | <table><tr><th>Bil</th><th>Skop KPI</th><th>Pencapaian</th></tr><tr><td>4.</td><td>Hal Ehwal Pelajar dan Alumni</td><td>100.00%</td></tr><tr><td>5.</td><td>Jaringan Industri dan Masyarakat</td><td>100.00%</td></tr><tr><td>6.</td><td>Pertanian</td><td>94.8%</td></tr><tr><td>7.</td><td>Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT</td><td>98.50%</td></tr><tr><td>8.</td><td>Pengurusan Kewangan dan Aset</td><td>91.07%</td></tr><tr><td>9.</td><td>Kemampanan Kewangan</td><td>100.00%</td></tr></table> | |
| | (iv) Mesyuarat mengambil maklum berhubung cadangan KPI baharu 2022 beserta sasaran yang merangkumi 48 KPI secara keseluruhan dengan penambahan 15 KPI baharu seperti berikut: | **Makluman** |
| | <table><tr><th>Bil</th><th>Skop KPI</th><th>KPI</th></tr><tr><td>1.</td><td>Akademik dan Antarabangsa</td><td>1. Peratusan Program PEO<br>2. Peratusan Program yang Melibatkan Industri</td></tr><tr><td>2.</td><td>Penyelidikan dan Inovasi</td><td>1. Jurnal Q1 Bersama Universiti Top 100<br>2. Jurnal Science atau Nature<br>3. Jurnal Baharu Dalam Jurnal Citation Reports<br>4. Peratusan Staf Sebagai Penyelidik Utama</td></tr><tr><td>3.</td><td>Hal Ehwal Pelajar dan Alumni</td><td>1. Bilangan Penyertaan Pelajar Dalam Program</td></tr></table> | |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Skop KPI</th><th>KPI</th></tr>
<tr><td>4.</td><td>Pertanian</td><td>1. Graduan Usahawan Tani<br>2. Menjadi Pusat Rujukan Sekuriti Makanan dan Perladangan Lestari<br>3. Menjadi Pusat Rujukan Pertanian Tropika<br>4. Penjanaan Pendapatan Pertanian</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT</td><td>1. Putra@Smart Classroom</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Pengurusan Kewangan dan Aset</td><td>1. Pendigitalan Sistem Kewangan Utama<br>2. Peratus Penjanaan Sumber Dalaman HPUPM<br>3. Penjanaan Sumber Dalaman</td></tr>
</table>
<br>
(v) Mesyuarat turut mengambil maklum berhubung pencapaian KPI OBB (Outcome Based Budgeting) yang tiada dalam sasaran KPI UPM 2021 iaitu:<br><br>
• Peratus program akademik peringkat Sarjana Muda yang telah melaksanakan OBE;<br><br>
• Peratus graduan yang bekerja sendiri pada tahun konvokesyen;<br><br>
• Peratus Bakat (akademik dan bukan akademik) yang dilantik/ diiktiraf sebagai pakar rujuk di dalam atau luar negara;
</td><td><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | • Bilangan pingat emas/ khas yang diperolehi daripada penyertaan dalam pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan/ antarabangsa; dan<br><br>• Peratus keciciran pelajar di peringkat Sarjana Muda di Universiti Awam.<br><br>(vi) Mesyuarat turut mengambil maklum mengenai Amanat Menteri Kementerian Pengajian Tinggi berkaitan strategi utama KPI Universiti 2022 iaitu:<br><br>• Mengukuhkan ekosistem kampus yang selamat;<br><br>• Memperkukuh kebolehpasaran graduan;<br><br>• Memperkasakan agenda pendigitalan;<br><br>• Memantapkan jaringan kolaborasi strategi;<br><br>• Memacu kesejahteraan komuniti;<br><br>• Mempersada kecemerlangan institusi; dan<br><br>• Menyemarak semangat #KPTPrihatin.<br><br>(vii) Mesyuarat meminta semua TWP menghebahkan mengenai penetapan KPI baharu tahun 2022 kepada semua staf di PTJ masing-masing bagi memastikan KPI 2022 ini dapat sama-sama dihayati dan didalami oleh semua warga UPM. | <br><br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>**Semua TWP PP & TWP PTJ** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | **(b) Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2022**<br><br>Mesyuarat:<br><br>(i) mengambil maklum Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras (PFA) bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 6 (a)(ii)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (ii) mengambil maklum daripada 73 petunjuk prestasi yang diukur, sebanyak 51 petunjuk prestasi mencapai sasaran, sembilan (9) petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran manakala 13 petunjuk prestasi lagi belum diukur. Pecahan pencapaian petunjuk prestasi berdasarkan skop proses adalah seperti berikut:<br><br>• Proses Prauniversiti – 33% (1/3)<br>• Proses Perkhidmatan Utama – 40% (4/10)<br>• Proses Sokongan – 63% (7/11)<br>• Proses Operasi Perkhidmatan Sokongan – 79% (39/49) | **Makluman** |
| | (iii) mengambil perhatian senarai petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran dan petunjuk prestasi yang belum dapat diukur beserta justifikasi dan tindakan kawalan ketakakuran adalah seperti pada **Lampiran Agenda 6 (a)(ii).** | **Makluman** |
| | (iv) meminta peneraju proses terlibat mengambil tindakan kawalan ketakakuran/ penambahbaikan terhadap petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran bagi memastikan sasaran dapat dicapai pada penghujung tahun 2022. | **TWP PNC, TWP SPS, TWP P. BURSAR, TWP P. PENDAFTAR & TWP PKKSSAAS** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (v) bersetuju mengesahkan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 dan meluluskan cadangan tiga (3) pindaan/ tambahan Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras untuk pengukuran tahun 2022/2023 sepertimana di **Lampiran B.** | **KB PKP** |
| | **(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2022** | |
| | (i) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan bagi Tempoh Januari hingga Jun 2022 merangkumi skop Perkhidmatan Utama iaitu Prasiswazah, Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi serta Proses Sokongan adalah sepertimana pada **Lampiran Agenda 6 (a) (iii)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (ii) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 149 piagam pelanggan bagi skop proses utama dan proses sokongan yang telah diukur bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 adalah seperti berikut:<br>• Proses Utama sebanyak 26 piagam pelanggan dengan 20 mencapai sasaran, empat (4) tidak mencapai sasaran dan dua (2) belum diukur; dan<br>• Proses Sokongan sebanyak 123 piagam melibatkan 33 PTJ dengan 105 mencapai sasaran, lapan (8) tidak mencapai sasaran dan 10 belum diukur. | **Makluman** |
| | (iii) Mesyuarat mengambil maklum justifikasi bagi empat (4) piagam pelanggan proses utama dan lapan (8) piagam pelanggan proses sokongan yang tidak mencapai sasaran adalah seperti di **Lampiran C.** | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (iv) Mesyuarat turut mengambil maklum terdapat pindaan piagam pelanggan melibatkan tiga (3) peneraju proses dan pindaan ini telah diluluskan di peringkat pengurusan PTJ sepertimana dinyatakan di **Lampiran D.** | **Makluman** |
| | (v) Mesyuarat meminta Peneraju Proses terlibat melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran/ penambahbahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran bagi tempoh pengukuran Januari hingga Jun 2022. | **TWP PNC, TWP P. TNC JINM, TWP SPS, TWP P. BURSAR, TWP PKU & TWP PUPM** |
| | (vi) Mesyuarat meminta supaya pelaporan akan datang turut memperincikan berkaitan punca dan tindakan kawalan ketakakuran/penambahbaikan bagi piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran. | **PKPU UPM** |
| | (vii) Mesyuarat bersetuju mengesahkan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 sepertimana yang telah dibentang. | **PKPU UPM** |
| | **54.5.2 Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Bagi Tempoh Januari hingga Jun 2022** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan pencapaian objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 adalah sepertimana pada **Lampiran Agenda 6 (b)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum terdapat satu (1) objektif ISMS telah mencapai sasaran manakala tiga (3) lagi objektif ISMS belum diukur disebabkan belum mencapai tempoh tindakan/ proses tindakan sedang berjalan. | **Makluman** |
| | (c) bersetuju mengesahkan pencapaian objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 untuk rujukan pelaksanaan ISMS di UPM. | **TWP ISMS** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 54.6** | **Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO 2022**<br><br>**54.6.1 Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS Tahun 2022**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) Laporan Status Pelaksanaan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS 2022 yang merangkumi tiga (3) skop utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri dan Masyarakat sepertimana pada **Lampiran Agenda 7 (a)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (b) Hanya maklum balas skop Penyelidikan dan Inovasi bagi kategori pihak berkepentingan industri telah diperolehi dan dianalisis manakala kategori pihak berkepentingan lain sedang dalam tempoh edaran kepada responden sehingga September 2022. | **Makluman** |
| | (c) Indeks keseluruhan hasil maklum balas skop penyelidikan dan inovasi bagi pihak berkepentingan industri berada di tahap sederhana berdasarkan hasil maklum balas yang diterima daripada enam (6) responden. Tiga (3) item yang mencatatkan min skor tertinggi adalah berkaitan perundingan perniagaan dijalankan secara harmoni, pegawai/staf mempunyai pengetahuan berkaitan pembiaya dan pegawai/staf memperkenalkan pembiaya kepada industri manakala dua (2) item yang mencatatkan skor terendah adalah berkaitan komitmen penyelidik dalam aktiviti pemindahan teknologi dan pegawai/staf mempunyai kemahiran penyelesaian masalah perundingan perniagaan. | **Makluman** |
| | (d) meminta semua peneraju skop mengambil inisiatif untuk meningkatkan bilangan responden pihak berkepentingan masing-masing supaya maklum balas yang diterima dapat menggambarkan kebolehpercayaan (reliability) data sebenar setiap kategori responden. | **TWP P. TNCAA, TWP P. TNCPI & TWP P. TNC JINM** |
| | (e) mencadangkan supaya soal selidik yang melibatkan pihak berkepentingan pelajar tahun 2 turut disangkutkan ke dalam Sistem PutraBlast bagi membantu meningkatkan jumlah responden. | **PKPU UPM & TWP CADe** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (f) mengambil maklum jumlah responden yang sedikit bagi skop penyelidikan dan inovasi adalah disebabkan faktor kekurangan bilangan industri yang terlibat dengan UPM. Selain daripada itu, pemakaian soalan soal selidik yang sama kepada kumpulan responden yang sama setiap tahun turut mempengaruhi bilangan responden yang menjawab soal selidik skop ini. | **Makluman** |
| | (g) mengambil maklum peneraju proses telah membuat inisiatif menyemak semula instrumen yang diguna pakai bagi pelaksanaan soal selidik skop jaringan industri dan masyarakat tahun 2022 dan sedang mengumpul respon sehingga September 2022. | **Makluman** |
| | (h) meminta supaya beberapa isu yang dibangkitkan berkaitan pengendalian soal selidik pihak berkepentingan QMS seperti keperluan kajian semula soalan soal selidik dan penetapan peratusan minimum responden yang diperlukan berdasarkan bilangan sebenar kumpulan sasaran dapat diteliti semula untuk tujuan penambahbaikan akan datang. | **PKPU UPM** |
| | **54.6.2 Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2022** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS 2022 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 7 (b)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (b) Status pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2022 adalah seperti berikut: | **Makluman** |
| | (i) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2022/2023 dilaksana semasa hari pendaftaran pelajar baharu program diploma UPM Bintulu pada 1 hingga 2 Ogos 2022 dan pendaftaran pelajar baharu program bacelor di UPM Serdang dan Bintulu pada 6 Oktober 2022; dan | |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (ii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Semester Kedua Sesi 2021/2022 dijalankan bermula 30 Mei hingga 14 Julai 2022 dan masih dalam proses penyediaan analisis pelaporan oleh peneraju proses. | |
| **Minit 54.7** | **Laporan Penilaian Risiko ISO** | |
| | **54.7.1 Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) sepertimana **Lampiran Agenda 8 (a)** yang telah dibentang adalah seperti berikut: | **Makluman** |
| | (i) jumlah isu dalaman dan luaran UPM pada HY1/2022 adalah sebanyak 415 iaitu 326 isu dalaman dan 89 isu luaran bagi 70 PTJ; | |
| | (ii) sebanyak 291 isu sedia ada dan 124 isu baharu direkodkan; | |
| | (iii) peratus tertinggi kategori fungsian/operasi berdasarkan isu di PTJ adalah pentadbiran/perkhidmatan sebanyak 24% (100 isu), kewangan sebanyak 15% (64 isu) dan infrastruktur/persekitaran sebanyak 14% (58 isu). | |
| | (iv) peratus tertinggi bagi risiko yang memberi kesan kepada KPI UPM dan pihak berkepentingan adalah pihak berkepentingan sebanyak 31.1% (129 risiko), KPI Penyelidikan dan Inovasi sebanyak 14.5% (60 risiko) dan KPI Kewangan dan Aset sebanyak 13.7% (57 risiko). | |
| | (v) Penilaian Risiko Operasi bagi HY1/2022 mendapati sebanyak 99 isu risiko berada pada tahap rendah, 231 isu risiko tahap sederhana dan 20 isu risiko tahap tinggi manakala 65 isu belum nilai. | |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (b) Mesyuarat meminta PTJ melaksana strategi tindakan bagi mengawal tahap risiko sederhana dan tinggi serta membuat pemantauan secara berterusan bagi tahap risiko rendah. | **Semua TWP PP & TWP PTJ** |
| | (c) Mesyuarat mengambil maklum tahap risiko penilaian awal dan HY1/2022 mengikut kumpulan PTJ adalah seperti **Lampiran Agenda 8 (a).** | **Makluman** |
| | (d) Mesyuarat mengambil maklum tindakan kawalan ke atas risiko HY1/2022 berdasarkan jumlah penyataan isu iaitu tolak ansur (71), rawat (238), pindah (21), Hapus (5) dan Belum Nilai (80). | **Makluman** |
| | (e) Mesyuarat mencadangkan supaya satu kompilasi pilihan penyataan isu dan risiko beserta penetapan skala keterukan dan kemungkinan yang lebih objektif disediakan untuk kategori Fakulti bagi memudahkan penyelarasan di peringkat Universiti dan perkara ini boleh diperluaskan pelaksanaannya bagi PTJ kategori lain secara berperingkat. | **KB PKP** |
| | (f) Mesyuarat turut mencadangkan rumusan hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti terhadap isu risiko operasi tahap tinggi dibawa untuk pemakluman Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM. | **KB PKP** |
| | **54.7.2 Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) sepertimana **Lampiran Agenda 8 (b)** yang telah dibentang dengan keterangan seperti berikut: | **Makluman** |
| | (i) secara keseluruhan laporan menunjukkan terdapat sebanyak 882 risiko dengan tahap rendah (L), 73 risiko dengan tahap sederhana (M) dan satu (1) risiko dengan tahap tinggi (H) dicatatkan hasil daripada penilaian ke atas 556 aset yang terlibat bagi semua pasukan; | |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (ii) secara perbandingan Penilaian Risiko ISMS Semakan Mac 2022 menunjukkan penurunan sebanyak 220 aset yang dinilai yang turut membawa kepada penurunan jumlah ancaman sebanyak 229 berbanding penilaian semakan Mac 2021;<br><br>(iii) Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) dan Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti mencatatkan penurunan jumlah aset yang ketara iaitu masing-masing penurunan sebanyak 152 dan 70 aset ICT. Antara faktor yang membawa kepada penurunan jumlah aset ini adalah peralihan proses kerja daripada secara manual kepada secara dalam talian; dan<br><br>(iv) Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) dan Pasukan Pusat Data mencatatkan pertambahan jumlah aset ICT masing-masing sebanyak satu (1) aset berbanding semakan terdahulu. | |
| | (b) Mesyuarat mengambil maklum terhadap tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko yang digunakan oleh setiap peneraju ISMS dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM sebagaimana laporan yang dibentangkan. | **Makluman** |
| | (c) Mesyuarat mengambil maklum satu (1) risiko dengan tahap tinggi (H) yang dikenal pasti adalah berkaitan masalah banjir kilat di kawasan berhampiran Pusat Data Utama (Bangunan iDEC Beta). Perkara ini telah diambil perhatian oleh pihak Pengurusan iDEC dan pelan pemulihan risiko yang dikenal pasti sedang dalam proses tindakan iaitu membuat permohonan semula pusat data baharu melalui RMK12 *Rolling Plan* ke 4 Tahun 2022 melalui Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA), UPM. Mesyuarat turut dimaklumkan, Jawatankuasa Pengurusan Universiti UPM ada menyarankan supaya pihak iDEC memohon ruang Pusat Data dengan pihak MAMPU sebagai salah satu inisiatif pelan pemulihan bagi risiko tinggi di Pusat Data. Bagaimanapun cadangan ini akan dikaji semula mengambilkira pelbagai aspek berkaitan *accessibility* dan keselamatan maklumat yang harus dipelihara. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | (d) Mesyuarat turut mengambil maklum berhubung perbandingan jumlah aset, ancaman dan tahap risiko ISMS dari tahun 2019 hingga 2022 bagi setiap pasukan ISMS. | **Makluman** |
| | (e) Mesyuarat meneliti dan bersetuju mengesahkan Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS (Semakan Mac 2022) untuk rujukan pelaksanaan ISMS di UPM. | **TWP ISMS** |
| **Minit 54.8** | **Laporan Latihan Universiti** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Latihan Universiti sepertimana **Lampiran Agenda 9** yang telah dibentang merangkumi perkara berikut, iaitu: | **Makluman** |
| | (i) Struktur Pengurusan Latihan UPM yang melibatkan empat (4) peringkat pengurusan adalah: | |

| BIL | PERINGKAT |
| --- | --- |
| 1. | Jawatankuasa Latihan Universiti |
| 2. | Pejabat Pendaftar (PLS, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia & Seksyen) |
| 3. | Pelaksana Latihan (Pej. Pendaftar, Pej. Bursar, CADe, PPKKP, iDEC, PPP, Pej. TNCPI, PPPA, Bhg Kaunseling, PKU, FSTM, Pej. TNCJINM, CQA. |
| 4. | PTJ (TPLS & Pelaksana Latihan) |

(ii) Sistem Mata CPD Latihan UPM adalah kekal 18 mata setahun bersamaan tiga (3) hari latihan yang akan menyumbang ganjaran sebanyak lima (5) markah e-LPPT staf; dan

